

26 JANUARI 2018

Farid Kamil dituduh ambil dadah THC

Farid Kamil dituduh ambil dadah THC

SELEPAS lebih seminggu Datuk Farid Kamil Zahari didakwa mencederakan seorang anggota polis dan orang awam, pelakon dan pengarah filem popular itu semalam sekali lagi dihadapkan ke Mahkamah Majistret Petaling Jaya, Selangor, kali ini atas tuduhan memasukkan dadah *tetra hydrocannabinol* (THC) ke dalam badannya.

Pelakon filem *Legenda Budak Setan* berusia 37 tahun itu bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Majistret Nor Ariffin Hisham.

Farid Kamil didakwa menggunakan dadah berbahaya tersebut di pejabat narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya pada 11 Januari lalu.

THC merupakan bahan kimia



FARID KAMIL meninggalkan pekarangan mahkamah dengan menaiki Toyota Vellfire.

FARID KAMIL sekali lagi dihadapkan ke Mahkamah Majistret Petaling Jaya semalam.

Pelakon popular berdepan hukuman penjara dua tahun mengaku tidak bersalah



KERATAN *Kosmo!* 17 Januari 2018.

utama dalam ganja yang mampu menyebabkan kecelaruan mental dan boleh diambil sama seperti menghisap rokok atau vape.

Suami kepada pelakon jelita, Datin Diana Danielle, 27, itu

didakwa mengikut Seksyen 15(1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM5,000 atau penjara sehingga dua tahun.

Terdahulu, Farid Kamil yang tampil lebih kemas dengan sut berwarna biru tiba di pekarangan mahkamah pada pukul 10.15 pagi dengan menaiki kenderaan Toyota Vellfire tanpa ditemani Diana.

» LAPORAN DI MUKA 2

Pelakon mengaku tidak bersalah masukkan THC dalam badan

Farid Kamil didakwa ambil dadah bahaya

Oleh NADZARUL AMIR
ZAINAL AZAM dan
NUZULSHAM SHAMSUDDIN

PETALING JAYA – Selepas didakwa atas empat kes jenayah minggu lalu, pelakon dan pengarah filem, Datuk Farid Kamil Zahari didakwa sekali lagi atas pertuduhan penyalahgunaan dadah jenis *tetra hydrocannabinol* (THC) di Mahkamah Majistret di sini semalam.

Hero filem *Lagenda Budak Setan* yang menaiki kenderaan pelbagai guna (MPV) jenis Toyota Vellfire itu tiba di pekarangan mahkamah pada pukul 10.15 pagi dengan memakai sut biru dan dilihat berpenampilan lebih kemas.

Kehadirannya sekali lagi membuatkan suasana mahkamah menjadi riuh seperti minggu lalu dengan kehadiran media yang menunggunya seawal pukul 8 pagi.

Namun isteri Farid Kamil, Datin Diana Danielle tidak hadir apabila selebriti itu hanya ditemani adiknya, Fadzil Bahari dan peguam belanya, Athari Bahardin.

Dalam prosiding semalam Farid, 37, yang turut popular dengan filem *V3 Samseng Jalanan* mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Majistret Nor Ariffin Hisham.

Mengikut pertuduhan, Farid Kamil didakwa menggunakan dadah berbahaya iaitu jenis



FARID KAMIL ditemani adiknya, Fadzil (belakang kanan) menjawab soalan pemberita di pekarangan Mahkamah Majistret Petaling Jaya semalam.



KERATAN Kosmo! 17 Januari 2018.

THC iaitu sejenis bahan kimia yang boleh ditemui dalam ganja.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di pejabat narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Petaling Jaya di sini pada pukul 4.30 petang, 11 Januari lalu.

Berikutan itu tertuduh didakwa mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 15 akta sama dan Seksyen 38B akta sama.

Hukuman bagi seksyen itu memperuntukkan denda mak-

simum RM5,000 atau penjara yang boleh sampai dua tahun atau kedua-duanya sekali dan diwajibkan pengawasan polis selama dua tahun, jika sabit kesalahan.

Difahamkan THC adalah bahan proaktif utama yang menghayalkan dan menghisap sebatang rokok dengan daun ganja menyebabkan THC terkumpul dalam sel badan selama tujuh hari.

Sekiranya menghisap ganja secara berterusan selama seminggu atau sebulan akan menyebabkan THC sentiasa terkumpul dalam sel badan.

THC hanya dikeluarkan semula secara fisiologi normal daripada tubuh antara empat hingga enam minggu.

Terdahulu Timbalan Pendakwa Raya, Fazeedah Faik yang mewakili pendakwaan tidak menawarkan sebarang jami-



FARID KAMIL mengaku tidak bersalah selepas didakwa memasukkan dadah jenis THC ke dalam badannya di Mahkamah Majistret Petaling Jaya semalam.

nan terhadap tertuduh, namun Athari yang mewakili Farid memohon mahkamah memberikan jaminan memandangkan tertuduh merupakan penanggung utama keluarga.

Hakim Nor Ariffin membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM3,000 dengan syarat tambahan pasport tertuduh diserahkan pada pihak mahkamah sehingga kes perbicaraan selesai. Mahkamah kemudian menetapkan 5 Mac depan untuk sebutan semula kes.

Kosmo! 17 Januari lalu melaporkan Farid Kamil mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini atas empat pertuduhan iaitu dua tuduhan menyebabkan kecederaan, berkelakuan tidak senonoh dan mengganggu tugas penjawat awam di Balai Polis Kota Damansara, 11 Januari lalu.

Mahkamah kemudian membenarkan jaminan RM12,000 bagi kesemua pertuduhan dengan seorang penjamin dan kes disebut semula 5 Mac depan.